

# Malaysia sedia balas serangan Serb — PM

(P)

20 APR 1994

Oleh WAHID HASHIM

**K**UALA LUMPUR 19 April — Malaysia tidak akan menarik balik tenteranya yang berkhidmat dengan Pasukan Perlindungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNPROFOR) di Bosnia-Herzegovina walaupun kerajaan kluatir dengan peningkatan kegiatan ketenteraan puak Serb di negara Balkan itu.

Malah, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan, Malaysia sedia menyerang pengganas Serb sekiranya PBB membuat keputusan untuk berbuat demikian.

Beliau berkata, keputusan itu adalah berdasarkan pendirian tegas Malaysia iaitu untuk terus melindungi rakyat Bosnia.

“Penarikan balik tentera Ma-

laysia daripada misi pengaman itu bermakna negara ini mempunyai sikap yang sama dengan PBB iaitu tidak adil, pengecut, dan berpura-pura,” tegas Perdana Menteri ketika diminta mengulas perkembangan terbaru di Bosnia-Herzegovina.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Kementerian Dalam Negeri (KDN) 1993 di sini hari ini.

Perdana Menteri menegaskan, tentera Malaysia akan berjuang habis-habisan - dengan segala yang terdaya - untuk melindungi diri mereka dan rakyat Bosnia yang cuba dihapuskan daripada muka bumi ini oleh pengganas Serb.

Perdana Menteri berkata: “Kalau tentera kita diserang, maka

■ Lihat muka 2

# SAMBUNGAN DARI MUKA 1

## PM: Malaysia sedia balas serangan Serb

mereka akan mempertahankan diri mereka dengan segala yang terdaya.

"Kerajaan sedar akan bahaya kepada askar-askar kita, tetapi kita tidak boleh membiarkan orang Bosnia dibunuh dengan begitu sahaja oleh orang Serb."

Dalam perkembangan terbaru itu, pengganas Serb telah menyerang bertubi-tubi sebuah kawasan yang diisytiharkan selamat oleh PBB iaitu bandar berpenduduk Islam di Gorazde.

Selain mengepung, menyerang dan membunuh penduduk Islam di kawasan itu, pengganas Serb turut menyerang kedudukan pasukan tentera Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO) di Bosnia.

"Kita khuatir tentang kedudukan pasukan kita, terutamanya kerana kita tidak dibekalkan dengan senjata yang cukup kerana kita percaya tugas kita ialah menjaga keamanan sahaja."

"Bagaimanapun, kita tidak boleh tarik balik (tentera Malaysia) kerana kalau tarik balik, kita akan jadi sama macam PBB yang kita kecam," katanya.

Malaysia menempatkan 1,500 anggota pengaman di beberapa bandar di Bosnia-Herzegovina termasuk di Sarajevo. Sebahagian besar anggota itu daripada Batalion ke-23 Rejimen Askar Melayu Diraja.

Dengan sikap PBB yang hanya membius membiarkan penduduk Bosnia dibunuh di depan mata mereka, Dr. Mahathir melahirkan kekhuatiran kemungkinan PBB juga tidak akan membantu tentera Malaysia sekiranya diserang.

"Kita sedar bahaya yang dihadapi oleh askar kita, tetapi kita tidak boleh biarkan orang-orang Bosnia dibunuh begitu sahaja oleh orang Serb," tegas beliau.

Diminta mengulas sikap PBB itu, Dr. Mahathir melahirkan rasa kesal yang amat sangat dan mengangap sikap PBB itu sebagai "amat menyedihkan."

Dalam hubungan ini, beliau bersependapat dengan bekas Perdana Menteri New Zealand, David Lange yang mengecam Majlis Keselamatan PBB kerana membiarkan penduduk Islam Gorazde "mati katak" dan sekaligus menuduh PBB bersubahat dalam pembunuhan beramai-ramai di Bosnia.

"Saya bersependapat dengan bekas Perdana Menteri New Zealand itu yang mengecam

PBB membiarkan penduduk Islam Gorazde dibunuh.

"Sebenarnya mereka ini (PBB) tidak mempunyai keinginan untuk menolong kerana kalau mereka hendak menolong, mereka boleh, tetapi mereka sengaja biarkan Serb membunuh penduduk Gorazde," katanya.

Dr. Mahathir turut kesal dengan sikap PBB yang cuma menyelamatkan pasukan tenteranya sahaja dan membiarkan orang Islam dibunuh.

"PBB sengaja tidak membenarkan bekalan senjata diberikan kepada pasukan pertahanan Bosnia, ini seolah-olah menyerahkan mereka ini (rakyat Bosnia) bulat-bulat untuk dibunuh oleh puak Serb... saya kurang faham.

"Lebih baik tangkap, ikat semua orang Bosnia dan serah kepada Serb dan suruh bunuh, sama juga," katanya dengan nada kesal.

U.N. 20 APR 1994

Beliau turut menyelar golongan tertentu yang hanya tahu bercakap tentang hak asasi kemanusiaan, dan apabila seorang rakyatnya kena tangkap di negara lain mereka sanggup buat sekatan, tetapi apabila ada pembunuhan di depan mata, hanya berpeluk tubuh.

"Kita tidak lagi boleh percaya kepada PBB, sekiranya berlaku apa-apa kepada kita.

"Kita beri banyak pasukan (tentera) kita kepada PBB, tetapi nampak jelas PBB bukan satu badan yang mempertahankan orang yang lemah sebaliknya ia adalah satu alat bagi kuasa-kuasa besar untuk menegakkan tekanan mereka dan melaksanakan dasar mereka," katanya.

Ditanya mengenai surat yang beliau terima daripada Presiden Bosnia-Herzegovina, Alija Izetbegovic semalam, yang bertujuan meminta sokongan dan bantuan seberapa yang terdaya bagi membantu menamatkan peperangan yang semakin meruncing di negara itu, Dr. Mahathir berkata:

"Memang ada...tetapi kemampuan kita untuk beri pertolongan adalah terhad dan kalau PBB kata kita boleh serang pengganas Serb, kita akan serang," katanya.